

Pulau Batu Puteh: Interpretasi tentukan kedaulatan perairan

KUALA LUMPUR 2 Julai - Permohonan Malaysia mentafsir penghakiman Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) berhubung Pulau Batu Puteh (Pedra Branca), Batuan Tengah (Middle Rocks) dan Tubir Selatan (South Ledge) pada Mei 2008, penting dalam mempertahankan kedaulatan negara di kawasan perairan sekitar ketiga-tiga batuan tersebut.

Timbalan Pengarah Institut Pengajian Malaysia dan Antarabangsa (Ikmas), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sufian Jusoh berkata, Kuala Lumpur membuat permohonan interpretasi tersebut bagi memastikan penghakiman yang menyaksikan kedaulatan Pulau Batu Puteh milik Singapura tidak melibatkan kawasan perairan di sekitarnya yang ketika ini adalah kawasan jajahan Malaysia.

"Berdasarkan tafsiran Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS) ketiga-tiga batuan itu bukan pulau kerana

tidak didiami manusia. Justeru, tafsiran itu membawa maksud Singapura hanya memiliki Pulau Batu Puteh dan bukan kawasan perairan di sekitarnya.

"Jika interpretasi itu memihak kepada Singapura, situasi ini akan memberi kesan kepada Malaysia kerana kawasan perairan seluas tujuh batu nautika di utara pantai Pulau Batu Puteh ke Johor dan kawasan perairan seluas 7.7 batu nautika di bahagian selatan ke Pulau Bintan, Indonesia dimiliki republik itu, yang membawa maksud Singapura me-



SUFIAN JUSOH

ngawal laluan ke Selat Singapura," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Kementerian Luar Singapura bahawa permohonan interpretasi oleh Malaysia tidak berasas kerana penghakiman ICJ pada 2008 bahawa kedaulatan Pulau Batu Puteh adalah milik Singapura; kedaulatan Batuan Tengah milik Malaysia sementara kedaulatan

Tubir Selatan adalah milik negara di perairan mana wilayah itu terletak adalah muktamad dan nyata serta tidak ada ruang untuk melakukan rayuan lagi.

Singapura juga melahirkan keyakinan mempunyai asas kukuh untuk menghalang permohonan terbaharu Malaysia tersebut.

Sufian yang juga pakar undang-undang antarabangsa berkata, Singapura kini menikmati Zon Ekonomi Eksklusif yang terletak kira-kira 200 batu nautika dari pantai negara itu disebabkan oleh pemilikan Pulau Batu Puteh.

"Sekiranya diputuskan kawasan perairan di sekitar Pulau Batu Puteh bukan milik Singapura, sudah tentu memberi kesan terhadap Zon Ekonomi Eksklusif dinikmati mereka memandangkan jarak persempadanan negara itu kembali kepada 12 batu nautika dari pantai berbanding 200 batu nautika ketika ini," jelas beliau.

Dalam pada itu, beliau berpandangan Singapura akan menggunakan alasan kewujudan Rumah Api di Pulau Batu Puteh untuk menegaskan batuan itu sebagai sebuah pulau.